

08/11/1998

Kerajaan timbang kerja 5 hari seminggu

Rahman Hashim

MELAKA: Kerajaan sedia menimbangkan cadangan supaya kakitangan kerajaan bekerja lima hari seminggu jika langkah menjadikan satu hari Sabtu dalam sebulan sebagai hari cuti, menunjukkan kesan positif.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, berkata langkah menjadikan satu hari Sabtu sebagai hari cuti akan dilaksanakan mulai Januari depan.

Beliau berkata, kerajaan akan mengkaji kesan daripada pelaksanaan sistem itu, sebelum menimbangkan cadangan untuk menjadikan lima hari bekerja dalam seminggu.

"Oleh kerana keputusan ini baru dibuat, buat masa ini kerajaan belum bercadang untuk menimbangkan cadangan lain," katanya selepas menyampaikan anugerah khidmat cemerlang kepada 152 kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja di Akademi Kastam Malaysia (Akmal), di sini, semalam.

Sejumlah 60 kakitangan kastam dari Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan, Akmal dan Melaka menerima anugerah melintang manakala 92 lagi menerima anugerah menegak.

Menurut Abdul Halim, kerajaan juga akan melihat keputusan hasil pertemuan antara Cuepacs dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai cadangan menawarkan sedikit insentif kepada kakitangan awam.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan, jika berdasarkan kepada pengumuman yang dibuat oleh Perdana Menteri ketika membentangkan Belanjawan 1999 tempoh hari, cadangan Cuepacs itu sukar dipenuhi.

"Apa pun, apakah kerajaan selepas mendapat beberapa cadangan daripada Cuepacs akan melakukan sesuatu perubahan, tidaklah dapat saya nyatakan," katanya.

Mengenai langkah kerajaan terus menawarkan hadiah dan insentif lain kepada kakitangan awam yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam perkhidmatan, Abdul Halim berkata tindakan itu akan diteruskan.

Katanya, kerajaan akan terus memberi hadiah dan ganjaran lain kepada kakitangan awam berjaya menunjukkan perkhidmatan cemerlang, selagi dasar yang ada dikekalkan.

Beliau berkata, setakat ini, kerajaan masih mampu berbuat demikian kerana sejumlah peruntukan sudah disediakan untuk tujuan itu.

"Kita akan terus melaksanakan pemberian hadiah ini selagi peraturan yang sedia ada tidak diubah," katanya.

Pada Jun lalu, Abdul Halim berkata, kenaikan pangkat di peringkat atasan akan tetap diadakan jika ada kekosongan pegawai serta kelayakan.

Menurutnya, masalah pembekuan kenaikan pangkat juga tidak timbul kerana kerajaan sudah menyediakan peruntukan tertentu untuk membiayai kenaikan pangkat.

(END)